

SINOPSIS

Buku Teori Kekuatan Ricip dan Ubah Bentuk Tanah Kejuruteraan membincangkan tentang beberapa model yang digunakan dalam memperihal kelakuan tanah apabila dikenakan dengan perubahan tegasan, khususnya dalam konteks kekuatan ricip dan ubah bentuk tanah. Model matematik yang selalu digunakan untuk memperihal kelakuan tanah lazimnya mengandungi beberapa pemudahan. Masalah tar.ah dalam bentuk dua atau tiga dimensi amnya sukar untuk diselesaikan secara lisan. Tambahan pula sebarang percubaan untuk memperihal setiap ciri kelakuan tanah sebenar memerlukan pengetahuan terperinci tentang tanah. Proses untuk mencari pengetahuan terperinci yang dimaksudkan bukan sahaja rumit malahan mahal untuk dilaksanakan. Hal ini menyebabkan terdapatnya model-model yang berlainan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berlainan. Kepada pelajar yang mengikuti bidang kejuruteraan, khususnya kejuruteran geoteknik di peringkat ijazah pertama dan sarjana, buku ini mesti dimiliki. Begitu juga bagi para jurutera yang terlibat dalam praktis kejuruteraan awam, buku Teori Kekuatan Ricip dan Ubah Bentuk Tanah Kejuruteraan sesuai digunakan sebagai rujukan.